

08/04/2003

AS tiada keuntungan di sebalik kekeliruan

DITANYA oleh seorang wartawan mengapa tiada seorang pun anggota tentera bersekutu kelihatan di jalan raya Baghdad di sebalik laporan kononnya ibu negara Iraq itu sudah hampir ditawan, Mej Jen Gene Renuart dari tentera British berhelah bahawa bandar raya itu terlalu besar untuk pergerakan mereka dilihat dengan jelas. Begitu juga apabila dakwaan dibuat kelmarin bahawa antara 2,000 hingga 3,000 pejuang Iraq terbunuh ketika tentera penceroboh menyusup ke selatan Baghdad, tiada langsung visual atau gambar yang dapat menyokong kenyataan itu. Semua itu adalah sebahagian realiti perang pada era ledakan maklumat ini - pembohongan adalah antara helah untuk melemah atau memerangkap musuh.

Seorang penonton stesen televisyen kabel dikuasai AS, yang bersaing hebat sesama sendiri dalam membawa perkembangan perang secara langsung, lebih mudah dikelirukan dengan pelbagai percanggahan daripada mendapat maklumat tepat. Sambil tentera Amerika Syarikat mengakui dakwaannya bahawa 8,000 tentera Iraq menyerah diri akhir bulan lalu sebenarnya palsu, Perbadanan Penyiaran Britain (BBC) turut mendedahkan laporan mengenai bandar Umm Qasr yang berjaya ditawan sekurang-kurangnya sembilan kali, adalah juga satu pembohongan. Berita penawanan Basra, Lapangan Terbang Antarabangsa Saddam dan terbaru, Baghdad, juga sarat dengan percanggahan untuk ia dipercayai bulat-bulat.

Seperti diujahkan Menteri Penerangan Iraq, Mohammed Saeed al-Sahhaf, tentera penceroboh sengaja menyebarkan khabar angin dan pembohongan hanya untuk menimbulkan kekeliruan selain cuba menutup kelemahan sendiri. Malah, penyertaan lebih 500 wartawan dalam misi tentera penceroboh di Iraq atau 'embedded reporters', diumpamakan dengan tujuh orang buta yang menceritakan perihal seekor gajah - masing-masing dengan tafsiran sendiri yang amat terbatas. Ia bukan berlaku secara kebetulan, sebaliknya AS memang merencanakannya sedemikian rupa dalam menagih sokongan dunia terhadap pencerobohnya.

Malaysia, di sebalik menyedari AS adalah rakan dagang terbesarnya, turut berasa bertanggungjawab untuk membantah pencerobohan ke atas Iraq atas dasar ia menyalahi undang-undang antarabangsa selain krisis kemanusiaan yang disebabkannya. Sambil kita mengalu-alukan jaminan AS bahawa hubungannya dengan Malaysia tidak terjejas di sebalik pendirian tegas Kuala Lumpur itu, Washington juga harus lebih adil dan telus dan bukan hanya mengambil tindakan atau membuat hebahan yang mengandungi separuh kebenaran demi kepentingannya semata-mata. Sebagaimana dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bantahan Malaysia terhadap serangan ke atas Iraq tidak harus disalahertikan sebagai anti-Amerika. Pendirian negara ini sentiasa konsisten tanpa berdolak-dalik.